



PANTAI CAHAYA BULAN, 10 Jun - Majlis penganugerahan kepada Almarhumah Kalthom othman atau lebih dikenali dengan panggilan Mak Som telah dilancarkan pada 10.41 pagi tadi. Anugerah tersebut bagi memperingati jasa dan penglibatan beliau dalam jemaah PAS selama 45 tahun.

Majlis anugerah tersebut dimulakan dengan persembahan montaj dari Jabatan Teknologi Maklumat Muslimat PAS Pusat (JITM) selama 2 minit.

Suasana pilu menyelubungi Dewan Duyung di Perdana Resort sepanjang tayangan multimedia mengenai jasa dan pengorbanan Allahyarhamah Mak Som ditayangkan kepada semua perwakilan dan pemerhati muktamar.

Kemudian pengerusi memohon semua hadirin menyedekahkan Al-Fatihah kepada Allahyarhamah. Sejurus itu, majlis pemberian penganugerahan oleh Ketua DMPP, Ustazah Nuridah Mohd Salleh kepada anak Allahyarhamah iaitu Puan Nurasilah Binti Mat Zin.

